



Tajuk:
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa: 1 Ogos 2020



Polisi ABC BERNAS ini TIDAK bertujuan untuk memberi jawapan kepada semua persoalan mengenai rasuah. Sebaliknya polisi ini bertujuan untuk memberi pengenalan asas bagaimana BERNAS menangani suapan dan rasuah, hasil komitmen BERNAS terhadap tingkah laku yang sah disisi undang-undang dan beretika pada setiap masa.

POLISI ANTI SUAPAN DAN RASUAH BERNAS

Sistem Pengurusan Anti Rasuah



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 1 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO (IRMD)

MANUAL ABMS

Appendix Manual 1.3

POLISI ANTI SUAPAN DAN RASUAH BERNAS

Dokumen Kawalan

No Dokumen: IRM/ABMS/05 : Manual Appendix 1.3
Tarikh:
No Kajian Semula: 00

	Name	Designation	Signatory	Date
Disediakan oleh:	Karmawaty Abu Bakar	Pengurus Kanan IRMD		01/07/2020
Disahkan oleh :	Mohd Khusaini Harumaini	Pengurus Besar, IRMD		01/07/2020
Disemak oleh:	Ismail Bin Mohamed Yusoff	Pengarah Urusan, BERNAS		
Diluluskan oleh:	BERNAS BOD		BERNAS DCR (NO 6/2020)	21/07/2020



KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	3
2.0	KOMITMEN BERNAS DALAM ANTI SUAPAN DAN RASUAH	3
3.0	OBJEKTIF	4
4.0	SKOP	4
5.0	RUJUKAN	5
6.0	DEFINASI	6
7.0	POLISI ANTI SUAPAN DAN RASUAH	12
8.0	PENGIKTIRAFAN UNDANG-UNDANG TEMPATAN DAN ANTARABANGSA	12
9.0	HADIAH, HOSPITALITI DAN HIBURAN	12
10.0	DERMA, TAJAAN DAN SUMBANGAN KORPORAT	14
11.0	SUMBANGAN POLITIK	15
12.0	PENGUBAHAN WANG HARAM	16
13.0	BAYARAN FASILITASI	16
14.0	SURAT SOKONGAN	17
15.0	PENGAMBILAN KERJA, KENAIKAN PANGKAT DAN PEKERJAAN	17
16.0	RAKAN NIAGA DAN PIHAK KETIGA	18
17.0	TANGGUNGJAWAB KERAHSIAAN	19
18.0	INTEGRITI DALAM ASPEK KEWANGAN	19
19.0	TANGGUNGJAWAB WARGAKERJA BERNAS	20
20.0	PENGISTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN	22
21.0	DEKLARASI WARGAKERJA BERNAS	22
22.0	FUNGSI BADAN PEMANTAU ANTI SUAPAN DAN RASUAH	22
23.0	LATIHAN DAN KESEDARAN TENTANG RASUAH	23
24.0	PELINDUNGAN POLISI PENIUP WISEL	30
25.0	AUDIT DAN PEMATUHAN ABMS	24
26.0	PENAMBAHBAIKAN YANG BERTERUSAN	25
27.0	PENGECUALIAN	25



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 3 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



1.0 PENGENALAN

Padiberas Nasional Berhad (selepas ini disebut “BERNAS”) bersama anak syarikatnya komited dalam usaha menjadikan syarikat kita sebagai syarikat utama dalam industri padi dan beras negara.

Bagi meningkatkan penglibatan syarikat di seluruh rantai bekalan industri ini, BERNAS perlu fokus pada pendekatan jangka masa panjang dan keperluan dalam mengimbangi risiko dan hasil pendapatan dalam masa yang sama memenuhi dan mematuhi standard etika dan integriti perniagaan.



“Anti-bribery and Corruption Policy” (selepas ini disebut Polisi ABC) BERNAS ini akan menerangkan prinsip-prinsip, menyediakan panduan kepada wargakerja BERNAS mengenai cara-cara menangani permintaan yang tidak wajar, suapan dan kegiatan rasuah yang lain, serta isu-isu yang mungkin timbul dalam urusan perniagaan.

Pematuhan dan sokongan setiap wargakerja BERNAS pada Polisi ABC ini adalah sangat penting dalam menentukan kesinambungan kejayaan BERNAS. Kegagalan mematuhi Polisi ABC akan memberi kesan yang buruk pada BERNAS dan BERNAS boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap wargakerja yang terlibat.

2.0 KOMITMEN BERNAS DALAM ANTI SUAPAN DAN RASUAH

BERNAS komited dalam menjalankan urusan perniagaan dengan beretika dan berintegriti. Ini bermaksud BERNAS akan mengelak segala bentuk amalan suapan dan rasuah dalam operasi harian BERNAS.

BERNAS telah mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap segala jenis bentuk suapan dan rasuah, dan akan mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan tersebut. Wargakerja BERNAS tidak akan di diskriminasi ataupun diambil tindakan tatatertib sekiranya mereka enggan untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang mana mengikut penilaian mereka aktiviti tersebut melibatkan

 <p>BERNAS PADIBERAS NASIONAL BERHAD</p>	<p>Tajuk : ABMS MS ISO 37001 : 2016 Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS Mukasurat : 4 – 29</p>	<p>Nombor Dokumen : IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3 Tarikh Kuatkuasa : 1 Ogos 2020</p> 
---	--	--

suapan dan rasuah dan tidak ditangani oleh Bernas.

Polisi ABC ini akan menggunakan prinsip-prinsip yang telah dinyatakan di dalam Buku Panduan Wargakerja BERNAS. Pematuhan pada Buku Panduan Wargakerja dan Polisi ABC ini adalah wajib.

3.0 OBJEKTIF



Polisi ABC BERNAS ini TIDAK bertujuan untuk memberi jawapan kepada semua persoalan mengenai rasuah. Sebaliknya polisi ini bertujuan untuk memberi pengenalan asas bagaimana BERNAS menangani suapan dan rasuah, hasil komitmen BERNAS terhadap tingkah laku yang sah disisi undang-undang dan beretika pada setiap masa.

4.0 SKOP

Polisi ABC BERNAS terpakai kepada :

a) Semua wargakerja BERNAS

- Lembaga Pengarah (Eksekutif dan Bukan Eksekutif), pengurusan tertinggi dan pekerja (tetap atau dalam kontrak), tidak mengira peranan atau jawatan (selepas ini disebut wargakerja) adalah tertakluk di bawah polisi ABC Bernas.
- Semua wargakerja BERNAS perlu mematuhi Polisi ABC BERNAS, prosedur, dan semua undang-undang yang berkaitan semasa bekerja dengan BERNAS.
- Ketua Bahagian, Jabatan dan Unit bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada wargakerja dan memastikan mereka patuh pada Polisi ABC didalam operasi unit / tugas masing-masing.

 <p>BERNAS PADI BERAS NASIONAL BERHAD</p>	<p>Tajuk : ABMS MS ISO 37001 : 2016 Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS Mukasurat : 5 – 29</p>	<p>Nombor Dokumen : IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3 Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020</p> 
--	--	---

b) Rakan Niaga BERNAS

- Polisi ABC ini memberi garis panduan pada tatacara yang digunakan atas rakan niaga BERNAS, termasuk rakan usaha sama, rakan konsortium, vendor, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil, penyewa dan perantara lain yang menjalankan tugas atau perkhidmatan untuk dan bagi pihak BERNAS.
- Semua wargakerja, tanpa mengira kedudukan atau peranan mereka, bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada rakan niaga mereka mengenai Polisi ABC BERNAS ini.

c) Organisasi dimana BERNAS mempunyai kawalan kepentingan.

- Polisi ini digunakan ke atas organisasi di mana BERNAS mempunyai kepentingan kawalan.
- BERNAS akan memastikan semua anak syarikatnya melaksanakan polisi dan prosedur yang sama, atau serupa dengan BERNAS.

d) Semua pihak yang bekerjasama dengan BERNAS.

- Polisi ABC BERNAS ini digunakan ke atas semua pihak yang sedang bekerjasama atau mempunyai minat untuk bekerjasama dengan BERNAS pada masa hadapan.
- BERNAS akan berusaha sedaya upaya dan dengan suci hati meminta pihak yang berkenaan untuk memahami dan melaksanakan polisi dan tatacara yang serupa dengan BERNAS.

5.0 RUJUKAN

- a) MS ISO 37001:2016 – Sistem Pengurusan Anti Rasuah
- b) Pusat Governans, Integriti & Anti Rasuah (GIACC) – Garis Panduan Tatacara Mencukupi
- c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009



- d) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018.
- e) Kanun Keseksaan Malaysia (disemak semula 1977)
- f) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- g) Akta Syarikat 2016
- h) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)
- i) Buku Panduan Pekerja

6.0 DEFINISI

Berikut adalah definisi yang terdapat di dalam Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS.

ISTILAH	DEFINISI
ABMS	<i>Singkatan kepada Anti-Bribery Management System yang bermaksud Sistem Pengurusan Anti Rasuah</i>
Polisi ABC Bernas	<i>Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS</i>
Suapan	<p><i>Rasuah adalah apa-apa tindakan apa pun, yang akan dianggap sebagai kesalahan memberi atau menerima 'gratifikasi' di bawah Akta SPRM.</i></p> <p><i>Dalam konteks amalannya, ini bermaksud menawarkan, memberi, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam usaha untuk mempengaruhi keputusan atau tindakan seseorang yang memegang amanah dalam organisasi.</i></p> <p><i>Definisi 'suapan' dalam Akta SPRM adalah seperti berikut:</i></p> <p><i>(a) wang, derma, hadiah, pinjaman, yuran, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-</i></p>



ISTILAH	DEFINISI
	<p><i>apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</i></p> <p><i>(b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</i></p> <p><i>(c) apa-apa pembayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;</i></p> <p><i>(d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</i></p> <p><i>(e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</i></p> <p><i>(f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi, dan ;</i></p> <p><i>(g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tanpa bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).</i></p> <p><i>Suapan boleh berlaku di mana seseorang yang bertindak bagi pihak BERNAS cuba memberi atau mempengaruhi tindakan seseorang luar BERNAS, seperti pegawai kerajaan atau pembuat keputusan pelanggan.</i></p> <p><i>Ia juga mungkin berlaku sebaliknya, di mana pihak luar cuba untuk</i></p>



ISTILAH	DEFINISI
	<p><i>mempengaruhi seseorang di dalam BERNAS seperti pembuat keputusan atau seseorang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit.</i></p> <p><i>Suapan dan rasuah berkait rapat. Walau bagaimanapun, rasuah mempunyai definisi yang lebih luas. Lihat definisi 'Rasuah' di bawah.</i></p>
Rakan Perniagaan	<p><i>Pihak di luar dari organisasi yang mempunyai, atau merancang untuk menjalin sebarang bentuk hubungan perniagaan. Ini merangkumi pelanggan, usaha sama, rakan usaha sama, rakan konsortium, pembekal khidmat luar, kontraktor, perunding, subkontraktor. Pembekal, vendor, penasihat, ejen, pengedar, wakil, perantara dan pelabur (definisi ISO 37001)</i></p>
Rasuah	<p><i>Definisi rasuah yang diberikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia adalah 'penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi'.</i></p> <p><i>Bagi tujuan dasar ini, rasuah didefinisikan sebagai sebarang tindakan, yang dianggap sebagai kesalahan memberi atau menerima 'suapan' di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (MACC) (Rasuah didefinisikan seperti yang di atas)</i></p> <p><i>Selain itu, rasuah juga merangkumi tindakan pemerasan, bersekongkol, pecah amanah, salah guna kuasa, perdagangan di bawah pengaruh, penyelewengan, penipuan atau pengubahan wang haram.</i></p>



ISTILAH	DEFINISI
<p>Hadiah Korporat</p>	<p><i>Sesuatu yang diberikan dari satu organisasi kepada organisasi yang lain, oleh wakil yang dilantik oleh setiap organisasi yang menerima dan memberi hadiah tersebut. Hadiah korporat juga termasuk barang promosi yang diberikan sama rata kepada orang awam semasa sesuatu acara, pertunjukan perdagangan dan pameran sebagai salah satu cara untuk membina imej syarikat. Hadiah tersebut diberi secara telus dan terbuka, dengan mendapat kelulusan dari semua pihak yang terlibat. Hadiah korporat biasanya mengandungi nama dan logo syarikat dan bernilai nominal. Contoh hadiah korporat termasuk tetapi tidak terhad kepada item seperti buku harian, kalendar meja, pen, notepad, plak, dan hadiah perayaan seperti hamper, oren dan kurma.</i></p>
<p>Hadiah Penghargaan / Cenderahati Tanda Ingatan</p>	<p><i>Hadiah yang dibuat untuk memperingati sesuatu acara. Contoh hadiah peringatan termasuk tetapi tidak terhad kepada hadiah yang diberikan kepada orang kenamaan yang berkunjung atau Pengarah yang bersara atau Pengurusan Tertinggi atau pekerja yang berkhidmat lama.</i></p>
<p>Sumbangan & Tanggungjawab Sosial Korporat</p>	<p><i>Sumbangan amal yang dibuat sebagai sokongan kepada masyarakat.</i></p>
<p>Pengarah</p>	<p><i>Pengarah merangkumi semua pengarah bebas dan bukan bebas, pengarah eksekutif dan bukan eksekutif BERNAS dan juga termasuk pengarah ganti atau pengganti.</i></p>



ISTILAH	DEFINISI
<p>Jawatan penting (terdedah kepada risiko rasuah)</p>	<p><i>Jawatan penting (terdedah kepada risiko rasuah) adalah jawatan yang diberi kuasa oleh pihak pengurusan untuk meluluskan bajet, pelantikan, perolehan, perbelanjaan dan pembayaran, dan mengadakan hubungan dengan pihak ketiga seperti rakan perniagaan, pegawai kerajaan, dan jawatan yang dikenalpasti terdedah kepada kegiatan rasuah melalui penilaian risiko. Kedudukan tersebut boleh merangkumi tetapi tidak terhad kepada peranan yang melibatkan perolehan atau pengurusan kontrak, kelulusan kewangan, sumber manusia, hubungan dengan pegawai kerajaan atau jabatan kerajaan, jualan, jawatan yang memerlukan perundingan dengan pihak luar, atau jawatan lain yang dikenalpasti terdedah kepada aktiviti rasuah oleh pihak syarikat.</i></p>
<p>Pegawai Integriti</p>	<p><i>Seseorang yang mengetuai fungsi integriti di BERNAS atau dinamakan atau dikenal pasti sebagai Pegawai Integriti oleh Pengurusan Tertinggi.</i></p>
<p>Jawatankuasa Integriti</p>	<p><i>Sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pengurusan atasan untuk membantu menangani usaha pencegahan suapan dan rasuah di BERNAS.</i></p>
<p>Wargakerja</p>	<p><i>Para pengarah dan semua individu yang mempunyai kontrak kerja dengan syarikat, termasuk pekerja tetap dan sementara.</i></p>



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 11 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



ISTILAH	DEFINISI
Konflik Berkepentingan	<i>Situasi di mana perniagaan, kewangan, keluarga, politik atau kepentingan peribadi boleh mengganggu pertimbangan seseorang dalam menjalankan tugas mereka untuk organisasi.</i>
Organisasi Dalam Kawalan	<i>Entiti di mana BERNAS mempunyai lebih dari 50% pemilikan saham dan mempunyai kawalan pengurusan.</i>
Talian Etika	<i>Saluran untuk mendedahkan atau melaporkan sebarang kebimbangan mengenai suapan, rasuah, tingkah laku tidak beretika, penyelewengan, tindakan haram atau kegagalan mematuhi Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS.</i>
Pengurusan Tertinggi	<i>Seseorang yang mengarah dan mengawal organisasi di peringkat tertinggi seperti Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana jawatan Eksekutif tertinggi lain di dalam syarikat.</i>
Ketua Pengurusan Pihak Berkepentingan	<i>Seseorang yang mengetuai fungsi untuk perhubungan dengan pihak berkepentingan syarikat atau orang yang dikenal pasti oleh Pengurusan Tertinggi.</i>
HRES	<i>Sumber Manusia & Sokongan Kakitangan atau mana-mana jabatan yang bertanggungjawab menguruskan sumber yang berkaitan dengan pekerja.</i>



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 12 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



ISTILAH	DEFINISI
IRMD	<i>Unit yang bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-rasuah di BERNAS.</i>
MDA	<i>“Management Delegated Authority”.</i>

7.0 POLISI ANTI SUAPAN DAN RASUAH

- 7.1 Semua bentuk suapan dan rasuah adalah dilarang. BERNAS menyokong pendekatan toleransi sifar terhadap suapan dan rasuah. Wargakerja BERNAS juga tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa jenis aktiviti rasuah, seperti peras ugut, bersekongkol, pecah amanah, salah guna kuasa, berdagang di bawah pengaruh, penyelewengan, penipuan atau pengubahan wang haram.
- 7.2 Polisi ABC ini digunapakai dalam negara dan peringkat antarabangsa, tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira adat istiadat, amalan tempatan atau keadaan kompetitif.

8.0 PENGIKTIRAFAN UNDANG-UNDANG TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

- 8.1 BERNAS komited untuk menjalankan perniagaannya secara beretika dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan di dalam negara di mana ia beroperasi.
- 8.2 Undang-undang dan peraturan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada Malaysian Penal Code Malaysia (disemak semula 1977)(dan pindaannya), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 beserta pindaannya, Akta Syarikat 2016.

9.0 HADIAH, HOSPITALITI DAN HIBURAN

- 9.1 Wargakerja adalah dilarang untuk meminta hadiah, hospitaliti dan hiburan dari rakan niaga atau pihak lain yang menjalankan perniagaan dengan BERNAS.
- 9.2 Dalam keadaan apa sekali pun, wargakerja BERNAS atau keluarga



mereka tidak boleh menerima hadiah dalam bentuk wang tunai, hamper makanan, sijil hadiah, bayaran balik pinjaman, komisyen, kupon, diskaun, atau apa sahaja jenis bentuk pemberian dari rakan niaga atau pihak lain yang terlibat dalam perniagaan dengan BERNAS.

- 9.3 Di dalam situasi di mana menolak pemberian atau memulangkan hadiah adalah **MUSTAHIL**, atau penolakan tersebut mungkin akan mengakibatkan permasalahan yang serius, wargakerja BERNAS perlu membuat laporan kepada HRES dan penyelia untuk membuat keputusan mengenai hadiah yang diterima.
- 9.4 Satu-satunya bentuk hadiah yang dibenarkan diberi kepada rakan niaga dan pihak lain yang terlibat dalam perniagaan BERNAS adalah hadiah korporat yang bernilai tidak lebih dari RM500 setiap item dan/atau cenderahati (tanda ingatan) yang tidak melebihi RM5,000 beserta logo syarikat atau jenama syarikat.
- 9.5 Wargakerja BERNAS boleh menerima hospitaliti dari rakan niaga seperti menyediakan dan membayar makanan seperti sarapan, makan tengah hari, makan malam, makanan ringan, minuman dan lain-lain dengan syarat hospitaliti tersebut adalah bertujuan untuk perbincangan mengenai perniagaan, mesyuarat, atau demi hubungan perniagaan yang lebih baik dan bukan percubaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.
- 9.6 Hospitaliti tidak boleh diterima secara kerap dari pihak yang sama, atau dalam jangka masa tertentu, seperti tender atau perundingan kontrak.
- 9.7 Wargakerja BERNAS tertentu dibenarkan untuk menawarkan makanan dan hospitaliti kepada rakan niaga dan pihak lain yang terlibat dengan BERNAS dengan syarat mereka termasuk dalam pengecualian yang dihadkan seperti di bawah :
- a) hanya berkaitan dengan perniagaan dan aktiviti BERNAS
 - b) hanya bukan untuk ahli keluarga dan tetamu bukan perniagaan.



- c) Kos makanan dan hospitaliti TIDAK melebihi had seperti Jadual panduan di bawah :-

JADUAL 1

GRED JAWATAN	SATU KEADAAN (ACARA)
SE1 – SE2	RM5,000
E12	RM2,000
E10 – E11	RM500
E9 and below	RM300

Nota: Kuantum di atas adalah berdasarkan 5 orang dalam 1 acara.

Jika jumlah hospitaliti melebihi had, ia harus berkadar dengan kuantum dalam Jadual di atas memerlukan persetujuan mengikut “Management Delegation Authority (MDA)”.

- 9.8 Wargakerja BERNAS boleh menyertai hiburan yang normal dan tidak kerap bersama rakan niaga, seperti acara sukan dan sebagainya, dengan tujuan mengadakan aktiviti hiburan tersebut secara ikhlas untuk memupuk hubungan perniagaan dan bukan bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, dan ianya harus mendapat kelulusan mengikut had MDA.

10.0 SUMBANGAN AMAL, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 10.1 BERNAS komited terhadap sumbangan amal, penajaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk kesejahteraan masyarakat dan komuniti.
- 10.2 Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa semua sumbangan amal, penajaan dan CSR dibuat berdasarkan polisi BERNAS, undang-undang serta peraturan, tanpa niat mempengaruhi seseorang untuk bertindak secara tidak wajar atau sebagai ganjaran kerana telah bertindak secara tidak wajar.
- 10.3 Semua permintaan dan cadangan untuk sumbangan amal, penajaan dan CSR mesti dipersetujui oleh pihak berkuasa yang betul dengan



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 15 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



berpandukan kepada had MDA.

- 10.4 Polisi BERNAS melarang wargakerja meminta daripada vendor untuk memberi sumbangan amal, tajaan dan CSR kepada individu, rakan atau saudara mereka tanpa mendapat persetujuan dari Pengurusan Tertinggi.

11.0 SUMBANGAN POLITIK

- 11.1 BERNAS boleh memberi sumbangan samada berbentuk wang atau dalam bentuk barangan kepada parti politik, ahli politik atau calon untuk kerusi parlimen atau undangan negeri dalam pilihan raya dengan syarat bahawa peruntukan tersebut berada dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, tanpa niat mempengaruhi seseorang untuk bertindak secara tidak wajar atau sebagai ganjaran kerana telah bertindak secara tidak wajar.
- 11.2 Sumbangan politik TIDAK boleh diberikan secara kerap kepada ahli politik dan parti politik penerima yang sama.
- 11.3 Semua permohonan sumbangan politik dari ahli dan parti politik mesti diteliti oleh Ketua Bahagian Pengurusan Pihak Berkepentingan dan mesti dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi untuk memastikannya sesuai dengan kriteria yang ditetapkan BERNAS.
- 11.4 Wargakerja BERNAS digalakkan untuk melibatkan diri dalam pemilihan politik melalui proses mengundi. Namun begitu, wargakerja boleh memilih untuk memberikan sumbangan politik peribadi yang bersesuaian dengan had yang ditetapkan oleh undang-undang. Walaubagaimanapun, sumbangan politik peribadi tersebut TIDAK akan diganti semula oleh BERNAS
- 11.5 Wargakerja BERNAS, tanpa persetujuan Pengurusan Tertinggi, adalah dilarang menggunakan kedudukan mereka di BERNAS untuk mempengaruhi mana-mana rakan niaga untuk memberikan sumbangan politik atau memberi sokongan kepada ahli politik dan parti.



12.0 PENGUBAHAN WANG HARAM

- 12.1 BERNAS melarang amalan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, termasuk berurusan dengan hasil kegiatan jenayah.
- 12.2 Pengubahan wang haram melibatkan penempatan wang yang diperolehi secara haram ke dalam sistem kewangan yang sah agar hasil wang yang diperolehi dari kegiatan jenayah diubah menjadi dana dengan sumber yang nampaknya sah, atau dana yang sah digunakan untuk menyokong kegiatan jenayah, termasuk membiayai aktiviti penganas.
- 12.3 Untuk mengelak pelanggaran undang-undang anti pengubahan wang haram, wargakerja BERNAS hendaklah melakukan Usaha Wajar (*Due Diligence*) ke atas hubungan perniagaan sedia ada yang dirancang dan dengan rakan niaga dan pihak ketiga, untuk memahami latar belakang perniagaan mereka, sumber dan tujuan dana serta pembayaran.
- 12.4 Wargakerja BERNAS perlu melaporkan sebarang penyelewengan sumber dana dan kecurigaan dalam urus niaga yang bertujuan membantu kegiatan haram atau aktiviti keganasan kepada ketua (satu pangkat lebih tinggi) atau penyeliannya untuk tindakan selanjutnya atau Talian Etika.

13.0 BAYARAN FASILITASI

- 13.1 Pembayaran fasilitasi adalah pembayaran tidak rasmi yang dibuat untuk mendapatkan atau mempercepat tindakan oleh pegawai kerajaan, polis, atau pihak berkuasa, seperti pengeluaran permit pengimportan, pemindahan padi atau pelepasan kastam.
- 13.2 BERNAS melarang wargakerja dan rakan niaga untuk memberi bayaran fasilitasi dalam apa jua bentuk. Namun, sekiranya pegawai BERNAS telah membuat pembayaran fasilitasi dalam keadaan TIDAK menyedari kesahihannya, atau di mana pembayaran itu dibuat untuk keselamatan diri, nyawa dan kebebasan orang lain, untuk mencegah kecederaan atau melindungi aset syarikat, dia mesti membuat laporan kejadian dan melaporkan pada Talian Etika dan Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian atau Pegawai Integriti BERNAS dengan segera.
- 13.3 Wargakerja BERNAS yang menerima permintaan bagi pembayaran



fasilitasi dari pejabat awam (dalam Malaysia) atau asing (luar negara) harus melaporkan kejadian tersebut kepada Ketua mereka, Ketua Bahagian dan Pegawai Integriti BERNAS untuk memohon khidmat nasihat.

14.0 SURAT SOKONGAN

- 14.1 Surat Sokongan adalah arahan atau keputusan dari ahli politik, pentadbiran kerajaan, atau individu yang sangat berpengaruh, untuk mempengaruhi keputusan dan memohon hak istimewa untuk diberikan kepada individu atau organisasi untuk pemberian dan permohonan projek.
- 14.2 Surat sokongan juga boleh datang dalam bentuk lain, seperti pesanan teks, panggilan telefon dan e-mel.
- 14.3 BERNAS melarang pihak luar untuk menggunakan surat sokongan bagi mempengaruhi keputusannya dalam pemberian atau permohonan projek.
- 14.4 BERNAS TIDAK mengeluarkan surat sokongan untuk mana-mana individu, keluarga dan rakan mereka, dan juga rakan niaga.
- 14.5 Wargakerja BERNAS yang menerima surat sokongan TIDAK boleh menjanjikan apa pun kepada pemohon, dan hendaklah melaporkan kepada ketua mereka, Ketua Bahagian dan Pegawai Integriti BERNAS untuk tindakan selanjutnya atau Talian Etika.

15.0 PENGAMBILAN KERJA, KENAIKAN PANGKAT DAN PEKERJAAN

- 15.1 BERNAS menghargai budaya etika dan integriti, dan memberi sepenuh perhatiannya kepada peranan budaya dalam menyokong Polisi Suapan & Rasuah BERNAS.
- 15.2 Proses pengambilan wargakerja baru, latihan, insentif dan penilaian, imbuhan, kenaikan pangkat dan pemindahan, dan proses tatatertib BERNAS ke atas mana-mana wargakerja, pengurusan atasan dan ahli Lembaga Pengarah, adalah dirancang dan harus dikemas kini secara berkala untuk menegakkan etika dan integriti dalam BERNAS.
- 15.3 BERNAS mendorong dan menyokong wargakerjanya untuk melakukan perkara yang betul. Dalam pengambilan wargakerja baru, penilaian ke



atas sifat etika seseorang individu harus dijalankan.

- 15.4 Wargakerja BERNAS akan diberi insentif atas sikap yang baik, penilaian dan pengiktirafan, atas sumbangan mereka terhadap kawalan ke atas anti suapan dan rasuah.

16.0 RAKAN NIAGA DAN PIHAK KETIGA

- 16.1 Semua rakan niaga yang bertindak bagi pihak BERNAS hendaklah mematuhi Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS (*ABC Policy*), Kod Tatalaku Rakan Niaga BERNAS (*BERNAS's Business Partner Code of Conduct*), dan polisi-polisi lain yang berkaitan.
- 16.2 Organisasi-organisasi yang mana BERNAS mempunyai saham majoriti seperti anak syarikat, syarikat usaha sama, consortium atau organisasi-organisasi perlu melaksanakan Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS atau melaksanakan kawalan anti-suapan dan rasuah mereka tersendiri. Bagi organisasi di mana BERNAS mempunyai saham minoriti, mereka digalakkan untuk mematuhi Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS atau melaksanakan kawalan anti-suapan dan rasuah mereka sendiri. Mereka harus menjalani penilaian risiko rasuah BERNAS dan penilaian usaha wajar (*Due Diligence*) untuk menentukan kawalan yang ada dan membantu mengurangkan risiko rasuah yang berkaitan ketika berurusan dengan BERNAS.
- 16.3 BERNAS harus mengelakkan untuk berurusan dengan rakan niaga yang diketahui atau disyaki melakukan atau membayar rasuah.
- 16.4 Usaha wajar (*Due Diligence*) dan penilaian risiko akan dilakukan pada rakan niaga yang akan datang dan sedia ada untuk memastikan bahawa mereka jujur dan dapat menahan diri daripada melakukan rasuah.
- 16.5 Syarat kontrak dengan rakan niaga akan merangkumi klausa untuk membolehkan BERNAS menamatkan atau menghentikan hubungan kontrak sekiranya rakan niaga didapati terlibat dalam suapan dan rasuah.



- 16.6 Semakan berkala terhadap rakan niaga dan penilaian risiko pihak ketiga dan usaha wajar (*Due Diligence*) harus dilakukan untuk memeriksa keberkesanan kawalan anti suapan dan rasuah yang dilaksanakan ke atas mereka supaya hubungan niaga yang sedia ada dengan BERNAS boleh diteruskan.

17.0 TANGGUNGJAWAB KERAHSIAAN

- 17.1 Urusan perniagaan dan rekod BERNAS, yang merangkumi operasi, kewangan, pengurusan pihak berkepentingan, penjualan dan pemasaran, perkhidmatan korporat, perniagaan strategik dan dokumen yang merangkumi prosedur, proses, kaedah pembuatan, e-mel, surat, laporan, spesifikasi, formula, borang, lesen, perjanjian atau dokumen atau fail-fail lain adalah semua maklumat sulit milik BERNAS.
- 17.2 Maklumat ini sulit dan rahsia dan TIDAK boleh digunakan, dibincangkan, disebarikan atau didedahkan kepada orang-orang di dalam atau di luar BERNAS, kecuali oleh orang yang diberi kuasa berbuat demikian.
- 17.3 Wargakerja BERNAS TIDAK dibenarkan mendedahkan, membocorkan atau menggunakan tanpa mendapat kebenaran yang sewajarnya apa-apa maklumat sulit tersebut sama ada semasa atau selepas bekerja dengan BERNAS. Wargakerja BERNAS perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk merahsiakan semua maklumat sulit tersebut ketika masih bekerja ataupun selepas meninggalkan BERNAS.

18.0 INTEGRITI DALAM ASPEK KEWANGAN

- 18.1 Wargakerja BERNAS perlu mematuhi semua polisi dan prosedur yang ditetapkan untuk melindungi dan menyokong integriti dan ketepatan rekod dan laporan kewangan BERNAS. Dalam hal ini, wargakerja BERNAS tidak boleh:
- a) menyembunyikan, mengubah, memusnahkan atau mengubah rekod BERNAS atau dokumen;



- b) dengan sengaja membuat catatan palsu atau mengelirukan rekod, laporan, fail atau tuntutan (termasuk laporan perbelanjaan perjalanan dan hiburan); atau
- c) gagal bekerjasama sepenuhnya dan jujur dengan audit dalaman dan luaran yang diberi kuasa oleh BERNAS.

19.0 TANGGUNGJAWAB WARGAKERJA BERNAS

19.1 Semua wargakerja BERNAS (termasuk pengarahnya, dan lembaga pengarah dan wargakerja di bawah organisasi yang mana BERNAS mempunyai saham melebihi 50%) diberi tanggungjawab dan kewajipan yang berkaitan dengan Polisi Anti Suapan dan Rasuah ini, termasuk yang sedia ada dan juga yang berikut:

- a) Memahami keperluan dan arahan yang berkaitan dari Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS dan menyampaikannya kepada pekerja bawahan masing-masing;
- b) Segera mencatat semua transaksi dan pembayaran dengan tepat dan terperinci;
- c) Berwaspada dengan urusan niaga yang mencurigakan dan melaporkan kepada pegawai atasan untuk mendapatkan panduan bagi tindakan selanjutnya;
- d) Segera laporkan sebarang percubaan, disyaki, dan salah laku dan pelanggaran undang-undang melalui Talian Etika;
- e) Bekerjasama dan mengikuti latihan anti suapan dan rasuah sebagaimana yang diperlukan dan;
- f) Tidak menyalahgunakan kedudukannya di BERNAS untuk kepentingan peribadi.

19.2 Semasa berurusan dengan pihak luar (seperti pelanggan) bagi pihak BERNAS, wargakerja BERNAS tidak boleh:

- a) Menawarkan, menjanjikan atau membuat sebarang percubaan untuk mempengaruhi keputusan pihak luar secara tidak jujur, dengan secara langsung atau tidak langsung, membuat atau menjanjikan pembayaran rasuah, secara tunai atau dalam apa jua bentuk;
- b) Terlibat dalam sebarang perbincangan mengenai perniagaan atau



peluang pekerjaan, untuk kepentingan peribadi atau untuk kepentingan pihak luar;

- c) Menyalahgunakan kuasa untuk membuat keputusan dan kuasa lain yang diberikan oleh pihak pengurusan atasan, untuk mendapatkan hasil secara haram walaupun ianya akan menguntungkan diri mereka sendiri dan / atau BERNAS; dan
- d) Memberi pengaruh yang tidak wajar untuk mendapatkan faedah peribadi daripada pihak luar.

19.3 Ketika proses perolehan tender yang sedang dijalankan atau akan dijalankan, wargakerja BERNAS yang terlibat dengan cara apa pun, tidak boleh:

- a) Terima hadiah, hospitaliti, hiburan atau yang seumpamanya dari mana-mana pihak luar yang terlibat, merancang untuk mengambil bahagian, atau dijangka akan mengambil bahagian, dalam proses perolehan atau tender;
- b) Memberikan apa-apa selain pemberian korporat dan hospitaliti kepada mana-mana pihak luar / ketiga yang berkaitan dengan aktiviti ini;
- c) Terlibat dalam sebarang perbincangan mengenai perniagaan atau peluang pekerjaan, untuk kepentingan peribadi, atau untuk kepentingan rakan niaga;
- d) Menyalahgunakan kuasa membuat keputusan dan kuasa lain yang diberikan oleh pihak pengurusan atasan; dan
- e) Melanggari proses dan prosedur perolehan atau tender yang sedia kala diamalkan di BERNAS.

19.4 Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan BERNAS diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa keperluan dan fungsi ABMS diterapkan dan dipatuhi di dalam jabatan dan peranan masing-masing. Mereka perlu memastikan pegawai bawahan mereka yang memegang jawatan-jawatan penting yang terdedah pada risiko rasuah (*Exposed Position*) untuk mengikuti latihan ABMS yang berkaitan.



20.0 PENGISTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 20.1 Situasi konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi mempengaruhi penilaian seseorang individu dalam menjalankan tugasnya untuk BERNAS.
- 20.2 Untuk menggalakkan keterbukaan dan ketelusan untuk menguruskan konflik kepentingan yang berlaku, berpotensi untuk berlaku, atau yang boleh dianggap berlaku, wargakerja BERNAS harus menyatakan setiap konflik kepentingan yang berlaku, berpotensi untuk berlaku, atau yang boleh dianggap berlaku kepada ketuanya dan Pegawai Integriti BERNAS, untuk memastikan bahawa semua keputusan dibuat atas nama BERNAS adalah berdasarkan penilaian yang objektif dan adil tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi.
- 20.3 BERNAS boleh meminta wargakerjanya untuk mengemukakan borang Pernyataan Konflik Kepentingan, yang mana wargakerja tersebut perlu menyatakan semua situasi Konflik Kepentingan atau mengembalikan borang yang menyatakan “akuana sebarang konflik kepentingan”.

21.0 DEKLARASI WARGAKERJA BERNAS

- 21.1 Semua wargakerja BERNAS hendaklah mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan mematuhi Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS ini. Salinan pengisytiharan ini hendaklah didokumentasikan dan disimpan oleh Jabatan Sumber Manusia dan Sokongan Wargakerja (HRES) sepanjang tempoh wargakerja berkhidmat dengan BERNAS. Pengisytiharan wargakerja terdapat di Lampiran 1 Polisi Anti Suapan dan Rasuah ini.
- 21.2 Jawatankuasa Integriti BERNAS berhak untuk meminta maklumat mengenai aset seseorang sekiranya orang tersebut disyaki atau terlibat dalam sebarang tuduhan atau kejadian berkaitan suapan dan rasuah.

22.0 FUNGSI BADAN PEMANTAU ANTI SUAPAN DAN RASUAH

- 22.1 IRMD akan menjalankan fungsi pematuhan seperti:
- a) mengawasi pelaksanaan kawalan Polisi Anti Suapan dan Rasuah
 - b) menjalankan penilaian risiko secara berkala untuk mengenal pasti



risiko suapan dan rasuah yang berpotensi boleh menjejaskan BERNAS.

c) mengkaji kesesuaian polisi ini dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perkembangan terkini dalam perundangan serta perkembangan standard industri dan antarabangsa

22.2 IRMD akan melaksana dan mengurus secara efektif rutin untuk mengatasi suapan dan rasuah yang dianggap sesuai bagi melindungi BERNAS dari sebarang liabiliti dan juga mengambil langkah-langkah luar jangka yang dirasakan perlu berdasarkan keperluan situasi yang timbul semasa operasi berjalan. Di samping itu, Pengurusan Atasan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti untuk mengawasi semua inisiatif anti-suapan dan rasuah yang dilaksanakan oleh IRMD.

22.3 IRMD perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Integriti dan Ahli Lembaga Pengarah mengenai keberhasilan dan pelaksanaan program anti suapan dan rasuah ini sekurang-kurangnya sekali dalam setahun atau jika terdapat kelemahan di dalam sistem ABMS yang telah dikenalpasti.

23.0 LATIHAN DAN KESEDARAN

23.1 Satu program kesedaran telah dirancang dan diatur untuk sentiasa mengingatkan wargakerja BERNAS tentang langkah-langkah anti suapan dan rasuah dan menyebarkan amalan beretika dan berintegriti secara berterusan.

23.2 Latihan secara berkala juga akan diberikan mengikut tahap risiko suapan dan rasuah yang berkaitan dengan sesuatu jawatan. Latihan akan diberikan kepada wargakerja yang:

a) Baru dilantik

b) Dinaikkan pangkat/jawatan atau memegang jawatan penting berisiko tinggi terhadap rasuah.

c) Ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan Atasan

23.3 Pegawai Integriti boleh mencadangkan latihan-latihan tertentu untuk wargakerja BERNAS dari mana-mana unit operasi diulangi berdasarkan keperluan situasi sekiranya perlu.



- 23.4 Jabatan HRES akan menyimpan semua dokumen dan rekod latihan dengan kerjasama IRMD.

24.0 MENIUP WISEL BAGI PELANGGARAN POLISI

- 24.1 Wargakerja BERNAS adalah digalakkan untuk membuat laporan bagi sebarang percubaan, disyaki dan salah laku seperti suapan, rasuah, penipuan, penyelewengan kewangan, salah urus niaga, pelanggaran polisi, pelanggaran Tatalaku Rakan Niaga BERNAS, atau kelemahan dalam sistem pengurusan anti suapan dan rasuah.
- 24.2 Pemberi maklumat, samada dengan cara merahsiakan identiti atau dengan niat baik berdasarkan kepercayaan yang munasabah, adalah dijamin kerahsiaan identiti dan pihak BERNAS tidak boleh mengambil tindakan terhadap Pemberi Maklumat walau apa jua hasil siasatan.
- 24.3 Talian Etika adalah saluran komunikasi untuk penyampaian masalah rasuah. Segala masalah cubaan, disyaki atau salah laku dan pelanggaran yang berlaku harus dilaporkan ke saluran pendedahan khusus yang perlu dimaklumkan kepada wargakerja.
- 24.4 Jawatankuasa Integriti perlu mengadakan atau melantik pihak luar untuk menjalankan siasatan terhadap sebarang salah laku yang melibatkan pelanggaran polisi Anti Suapan dan Rasuah.
- 24.5 Bergantung pada hasil siasatan, BERNAS boleh mengambil langkah-langkah pemulihan bagi salah laku, suapan dan rasuah, mengambil tindakan tatatertib ke atas wargakerja atau rakan niaga yang terlibat, atau merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa.

25.0 AUDIT DAN PEMATUHAN ABMS

- 25.1 Audit secara berkala akan dilakukan untuk memastikan wargakerja BERNAS patuh pada Polisi ABC. Audit tersebut akan dilaksanakan oleh auditor yang dilantik atau pihak luar.
- 25.2 Ketidapatuhan dan risiko yang dikenal pasti oleh juruaudit melalui proses audit atau proses lain akan dilaporkan kepada Pengurusan Atasan dan Jawatankuasa Integriti.
- 25.3 BERNAS menganggap tindakan suapan dan rasuah adalah perkara yang



Tajuk :
ABMS MS ISO 37001 : 2016
Polisi Anti Suapan dan Rasuah
BERNAS
Mukasurat : 25 – 29

Nombor Dokumen :
IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3
Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020



serius dan akan mengenakan hukuman ke atas pihak yang tidak mematuhi Polisi ABC ini. Bagi wargakerja BERNAS, ketidakpatuhan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil termasuk pemberhentian kerja.



- 25.4 Bagi rakan niaga, ketidakpatuhan terhadap Polisi ABC ini boleh dikenakan penalti termasuk penamatan kontrak. Tindakan undang-undang juga boleh diambil sekiranya kepentingan BERNAS terjejas akibat ketidakpatuhan oleh individu atau rakan niaga.

26.0 PENAMBAHBAIKAN YANG BERTERUSAN

- 26.1 BERNAS komited untuk terus menambahbaik polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan ABMS. Jawatankuasa Integriti akan berusaha untuk meningkatkan dan menambahbaik langkah-langkah integriti yang akan membawa pada persijilan prosedur anti suapan dan rasuah BERNAS.
- 26.2 Penilaian berkala ke atas Polisi ABC perlu dilakukan untuk memastikan skop, polisi-polisi, prosedur-prosedur dan kawalannya sesuai dengan risiko rasuah dan rasuah yang dikenalpasti oleh BERNAS.

27.0 PENGECUALIAN

- 27.1 Sebarang perubahan atau pengecualian dari polisi ini perlu mendapat kelulusan samada dari Jawatankuasa Integriti atau Lembaga Pengarah.

 <p>BERNAS PADI BERAS NASIONAL BERHAD</p>	<p>Tajuk : ABMS MS ISO 37001 : 2016 Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS Mukasurat : 26 – 29</p>	<p>Nombor Dokumen : IRM/ABMS/05: Manual Appendix 1.3 Tarikh Kkuatkuasa : 1 Ogos 2020</p> 
--	--	---

APPENDIX 1: BORANG DEKLARASI WARGAKERJA



Saya, _____ dengan ini menyatakan bahawa saya telah membaca dan memahami Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS atau *BERNAS's "Anti-Bribery and Corruption Policy (ABC Policy)"*. Saya akan mematuhi syarat dan ketentuan yang dinyatakan dalam Polisi Anti Suapan & Rasuah BERNAS seperti yang dikehendaki oleh kontrak pekerjaan saya.

Saya juga menyedari bahawa kandungan Polisi Anti Suapan dan Rasuah BERNAS ini boleh dikenakan pindaan selanjutnya iaitu penambahan, pengubahsuaian, penghapusan apabila dan dianggap perlu oleh pihak Pengurusan. Sekiranya terdapat pertikaian, keraguan atau salah tafsiran terhadap Polisi Anti Suapan dan Rasuah ini, keputusan pihak Pengurusan akan dianggap muktamad.

Tandatangan :

Tarikh :